

# 2016 tahun komersial produk inovasi, usaha giatkan ciptaan baharu

**TUARAN 28 Dis.** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menggalakkan rakyat untuk menghasilkan produk-produk inovasi selaras dengan pengumuman 2016 sebagai tahun pengkomersialan inovasi negara.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, perkara itu juga bertepatan dengan sasaran kementerian untuk mengkomersialkan 360 produk inovasi tempatan menjelang 2020.

“Kita (kementerian) telah diberi tanggungjawab untuk menjayakan tahun pengkomersialan inovasi negara. Untuk itu, sudah tentu kita mahu rakyat berinovasi dan menghasilkan ciptaan-ciptaan baharu.

“Saya sendiri akan mengetuai sebuah jawatankuasa melibatkan semua kementerian bagi tujuan tersebut. Kita juga mahu orang ramai berfikiran luas, sama ada melahirkan teknologi atau cara-cara serta kaedah baharu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Majlis Rumah Terbuka Krismas Parlimen Tuaran di sini semalam.

Majlis itu diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin dan is-



**MADIUS TANGAU**

teri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni serta Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tuaran memberitahu, antara contoh produk yang boleh dikomersialkan ialah sistem amaran banjir ciptaan para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tamparuli dekat sini.

“Mereka cipta satu teknologi yang boleh diaplikasikan di semua jambatan di negara ini untuk membantu pihak berkuasa memberi amaran berkaitan bencana tersebut.

“Contoh lain ialah inovasi yang dicipta oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM). Menariknya, ciptaan mereka iaitu autopsi digital, alat untuk diagnosis mayat telah berjaya dipasarkan ke United Kingdom (UK),” tambahnya.

Dalam perkembangan lain beliau berkata, bagi menggalakkan golongan muda di negeri ini meminati bidang sains, kementerian bercadang untuk membina ‘cawangan’ Pusat Sains Negara.

“Kita bercadang untuk membina di sini (Tuaran). Pusat itu nanti berbeza dengan pusat sedia ada di ibu negara. Kita akan kaji pusat-pusat sains di seluruh negara untuk diaplikasikan di pusat baharu itu nanti,” ujarnya.